

Kampus Satelit UMS-Perhebat tingkat kemahiran veteran tentera

DE 29.2.2018 3

Jegathisan Sivanesan

KOTA KINABALU: Semakin ramai veteran tentera di Sabah kini dapat memperoleh pengetahuan dan kemahiran tambahan dalam pelbagai bidang selepas Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang bekerjasama dengan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (Perhebat) menjadi Kampus Satelit pertama di negara ini.

Universiti itu akan menjadi pusat sehati yang memberikan veteran tentera peluang untuk mendapat kemahiran dan pengetahuan tambahan menerusi Program Sosio Ekonomi Veteran (PPSEV) – dimulakan pada 2016 – yang menawarkan pelbagai kursus dalam bidang-bidang seperti akuakultur, masakan dan keusahawanan.

Ia juga mempunyai potensi untuk meningkatkan kemahiran veteran ke tahap lebih tinggi dengan sokongan kepakaran UMS, selain daripada menjadi platform untuk perkembangan kualiti dan modal insan inklusif dalam kalangan anggota dan veteran tentera.

Ketua Menteri Tan Sri Musa Aman berkata kerajaan negeri menyokong sepenuhnya program itu kerana ia mewujudkan peluang kepada golongan veteran dan mereka yang akan berpenecen untuk meningkatkan kemahiran mereka dan juga untuk memjana pendapatan.

“Saya percaya program ini akan membolehkan mereka berdikari dan bersaing dalam era ekonomi mencabar ini. Selain itu, mereka juga dapat merebut peluang untuk memperbaiki diri sendiri, yang mana adalah selaras dengan keperluan dan perkembangan semasa.

“Ini akan mendorong Malaysia ke arah status negara maju kerana kita memerlukan komuniti yang serba boleh, berpendidikan dan mempunyai pengetahuan luas dalam pelbagai bidang,” katanya ketika melancarkan program Kampus Satelit UMS-Perhebat di dewan persidangan UMS, pada Selasa.

Kampus Satelit UMS-Perhebat adalah hasil Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Persetujuan (MoA) antara UMS dan Perhebat dalam acara itu, yang mana adalah sebahagian daripada Teras Kesejahteraan dan



MUSA (tengah) bersama Kamarudin (kanan) dan Aziz (kiri) ketika pertukaran MoU dan MoA.

Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) untuk meningkatkan kebajikan anggota dan veteran tentera.

Terdahulu dalam ucapannya, Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin berkata program PPSEV bermula pada dua tahun lepas ketika Perhebat menghubungi universiti tersebut dengan cadangan untuk meningkatkan kemahiran komuniti veteran tentera.

Beliau berkata, selepas itu, Perhebat dan UMS melaksanakan program latihan untuk veteran dan mereka yang akan berpenecen pada 2017 dengan menjemput ahli akademik UMS untuk memberi ceramah tentang pelbagai bidang kemahiran seperti akuakultur, makanan, masakan dan keusahawanan.

Kamarudin berkata sekitar 40 peserta mengambil bahagian dalam program PPSEV tahun ini, yang bertujuan untuk mendedahkan veteran kepada pelbagai bidang kemahiran yang boleh mereka terokai.

“Mereka terlatih dalam bidang-bidang seperti

dasar akuakultur dan penternakan ikan marin. Selain itu, Fakulti Sains Makanan dan Nutrisi (FSMP) kami juga menawarkan kursus dalam bidang makanan, masakan dan membuat roti.

“Kursus dalam bidang pertanian dan keusahawanan juga ditawarkan oleh Fakulti Pertanian Lestari (FPL) dan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) kami,” katanya.

Sementara itu, pengerusi Perhebat Leftenan Jeneral (rtd) Datuk Seri Abdul Aziz Ibrahim berkata terdapat seramai 400,000 pesara berdaftar dengan Perhebat di seluruh negara. Beliau berkata daripada angka itu, hanya 130,000 mempunyai penecen.

Beliau berkata Perhebat mempunyai 15,000 alumni di Sabah, yang mana hanya satu pertiga atau kira-kira 4,000 adalah pesara berpenecen.

“Kami merancang untuk meluaskan program ini ke Sarawak dengan kerjasama Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) untuk membantu veteran di kawasan lain. Ia dijangka untuk dilaksanakan pada bulan ini,” katanya.